

Annex 27a: TINDAKAN PENCEGAHAN, KAWALAN INFEKSI DAN PENGGUNAAN PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE) DI FASILITI TAHANAN DAN RUMAH PERLINDUNGAN

Pengenalan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sering memberi penekanan kepada orang ramai untuk mengelakkan 3S iaitu tempat yang sempit, sesak dan sembang dalam jarak yang dekat (*close conversation*). Keadaan 3S ini juga dikaitkan dengan pusat-pusat tahanan seperti depot imigresen, penjara, lokap. Justeru itu, di dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 bil.5/2020, Annex 27: *Management Guideline for Special Setting* telah dinyatakan tentang panduan pengurusan COVID-19 bagi pusat-pusat tahanan tersebut sebagai rujukan.

Semasa gelombang kedua wabak COVID-19 di Malaysia, didapati insiden jangkitan yang tinggi adalah di kalangan tahanan. Didapati bilangan kes yang melibatkan pendatang asing tanpa izin (PATI) juga adalah tinggi seperti yang berlaku di beberapa fasiliti tahanan di mana kadar positiviti COVID-19 tahanan adalah di antara 2.0% hingga 38.8%. Insiden yang tinggi di kalangan tahanan warga asing ini boleh menyumbang kepada risiko jangkitan terhadap anggota yang bertugas di fasiliti tahanan atau rumah perlindungan yang berkenaan.

Fasiliti tahanan yang dimaksudkan adalah fasiliti seperti penjara, lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), Depot Tahanan Imigresen (DTI), Pusat Tahanan Sementara (PTS), Pusat Pemulihan, Tempat Tahanan Khas, Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney dan Pusat Reintegrasi di seluruh negara serta merangkumi pengurusan mangsa-mangsa di rumah perlindungan. Tahanan pula merujuk kepada banduan, penghuni dan Orang Kena Tahan (OKT) yang berada di fasiliti-fasiliti tahanan tersebut.

Dokumen ini disediakan untuk membantu mengurangkan risiko jangkitan di kalangan anggota yang bertugas, individu yang ditahan dan mangsa yang dilindungi. Secara prinsipnya, semua pihak perlu elakkan 3S / 3C, amalkan 3W dan patuhi S.O.P.

Elakkan 3S: iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).

Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau

jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti elak bersalaman / bersentuhan, amalkan etika batuk dan bersin, lakukan aktiviti disinfeksi, duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja, dapatkan rawatan segera jika bergejala.

Kekal patuh kepada **S.O.P** iaitu **S**-Syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh kerajaan, **O**- Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan dan **P**-Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Terdapat dua pendekatan bagi pencegahan dan kawalan COVID-19 di pusat-pusat tahanan dan rumah perlindungan iaitu secara umum dan secara khusus mengikut proses kerja di fasiliti tahanan.

i Secara Umum

Tindakan secara umum yang perlu diambil oleh anggota, kontraktor atau pelawat

1. Sebelum ke tempat kerja bagi anggota sekiranya bergejala di rumah;
 - Perlu maklum kepada penyelia
 - Tidak perlu hadir ke tempat kerja
 - Dapatkan rawatan di klinik
 - Elakkan 3S, Amalkan 3W serta patuhi S.O.P.
2. Saringan semasa memasuki premis. Tidak dibenarkan memasuki premis sekiranya mempunyai salah satu dari berikut;
 - Bergejala sekurang-kurangnya salah satu dari berikut iaitu batuk, sakit tekak, susah bernafas, hilang deria bau atau deria rasa secara tiba-tiba.
 - Suhu badan yang melebihi 37.5°C
 - Sejarah kontak dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari
 - Sejarah perjalanan dari luar Negara atau kawasan berisiko dalam tempoh 14 hari.
3. Semasa bertugas (bagi anggota)
 - Elakkan 3S, Amalkan 3W serta patuhi S.O.P.
 - Pemantauan gejala secara harian oleh penyelia
 - Sekiranya mengalami gejala, anggota hendaklah memaklumkan kepada penyelia dengan segera untuk tindakan selanjutnya
 - Mengurangkan pergerakan anggota dalam penjara dengan memastikan hanya anggota tertentu sahaja perlu bertugas di blok atau kawasan yang telah ditetapkan dan tidak dibenarkan bertugas di blok lain.
4. Aktiviti pembersihan dan disinfeksi secara berkala terhadap permukaan yang kerap disentuh seperti meja, kerusi, pemegang atau tombol pintu, susur tangga, suis lampu serta perkakas tandas. Peralatan yang sentiasa digunakan seperti gari, bekas dan peralatan makanan juga perlu dibersihkan dan disinfeksi.

ii Secara Khusus

Semua tahanan baharu yang masuk ke fasiliti tahanan dikehendaki menjalani saringan Kesihatan dan ujian COVID-19 termasuk tahanan yang dari negeri lain ataupun fasiliti lain. (Rujuk rajah 1)

Pelaksanaan saringan COVID-19 bagi kemasukan baharu ke fasiliti tahanan bergantung kepada arahan semasa kerajaan. Sekiranya saringan perlu dilaksanakan, KKM akan bekerjasama dengan pihak fasiliti tahanan melalui

- Memberi latihan kepada anggota kader KKM di penjara dalam pengambilan, pembungkusan dan penghantaran sampel COVID-19 ke makmal KKM melalui koordinasi dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan.
- Menerima tahanan untuk pengambilan swab di klinik kesihatan jika terdapat hanya lima (5) atau kurang tahanan untuk pengambilan sampel swab.
- Menghantar pasukan Kesihatan KKM dari klinik Kesihatan berhampiran ke fasiliti tahanan bagi tujuan pengambilan swab mengikut persetujuan di antara pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan pihak fasiliti tahanan jika terdapat lebih daripada lima (5) tahanan untuk diambil sampel swab.
- Pendaftaran permohonan ujian perlu dimasukkan ke dalam Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) Order oleh PKD.

Tahanan yang telah diambil sampel perlu diasingkan daripada tahanan lain di bilik / ruang berasingan supaya tiada percampuran di antara tahanan baharu dan lama.

Bagi pengasingan tahanan, perkara berikut perlu dilaksanakan;

- Setelah ujian COVID-19 dijalankan, semua tahanan ini perlu diasingkan daripada tahanan lain dalam ruang/sel berasingan selama tempoh 10 hari sebelum dibenarkan masuk ke sel tetap. Sekiranya ujian telah dilakukan di lokap sebelum tahanan dipindahkan ke penjara dan dalam tempoh 3 hari sebelum dipindahkan, ujian tidak perlu diulangi dan tahanan boleh terus berada di bilik/ruang pengasingan tahanan.
- Bagi tahanan yang mengalami gejala, anggota bertugas perlu memaklumkan kepada pasukan kesihatan dengan segera. Tahanan tersebut perlu diasingkan dari tahanan yang lain dan penilaian risiko perlu dilakukan terhadap mereka serta dirujuk ke Klinik Kesihatan atau Hospital mengikut keperluan.
- Setelah keputusan diperolehi, tahanan yang didapati mendapat keputusan positif perlu diasingkan dari tahanan yang lain dan dimaklumkan kepada PKD dengan kadar segera. Tahanan yang didapati ujian negatif perlu

meneruskan pengasingan dalam ruang/sel berasingan sehingga tamat tempoh 10 hari pengasingan.

- Jika terdapat tahanan yang mendapat gejala semasa berada dalam tempoh pengasingan tersebut dan didapati menjadi positif, tahanan perlu diasingkan dari tahanan yang lain dan dimaklumkan kepada PKD dengan kadar segera. Tempoh pengasingan bagi tahanan lain dalam ruang tersebut perlu dilanjutkan untuk tempoh 10 hari lagi
- Bagi tahanan yang ditempatkan di fasiliti tahanan sementara/ transit untuk tujuan ujian COVID-19 dilaksanakan;
 - mereka perlu diasingkan mengikut kumpulan hari kemasukan. Setelah mendapat keputusan, tahanan yang didapati mendapat keputusan positif perlu diasingkan dari tahanan yang lain dan dimaklumkan kepada PKD dengan kadar segera.
 - Tahanan yang didapati ujian negatif perlu meneruskan pengasingan dalam ruang/sel berasingan sehingga tamat tempoh 10 hari pengasingan. Jika dipindahkan ke fasiliti tahanan tetap, mereka perlu meneruskan tempoh pengasingan dalam ruang/sel berasingan sehingga tamat tempoh 10 hari pengasingan.
 - Semasa dipindahkan, langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang ketat perlu diamalkan oleh tahanan dan juga pegawai pengiring. Kenderaan perlu dilakukan disinfeksi setelah pemindahan dilakukan.

2.2 Tindakan dan jenis PPE yang perlu digunakan oleh anggota, tahanan atau mangsa di rumah perlindungan

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
1.	Pendaftaran dan kemasukan tahanan baru ke fasiliti tahanan atau mangsa baru ke rumah perlindungan	Unit Rekod/ Unit berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
2.	Saringan keselamatan tahanan atau mangsa - Pemeriksaan tubuh badan	Unit Rekod/ Unit berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka, <i>Glove*</i>, <i>Face shield</i>, <i>Long sleeve plastic apron</i> • Memastikan kebersihan tangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
3.	Pengambilan suhu badan tahanan atau mangsa menggunakan thermometer infrared atau <i>thermal scanner</i>	Unit Rawatan dan Kesihatan/ Unit berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
4.	Pemeriksaan kesihatan tahanan atau mangsa	Unit Rawatan dan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka, <i>Glove*</i>, <i>Face shield</i>, <i>Long sleeve plastic apron</i> • Memastikan kebersihan tangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal • Sekiranya tahanan bergejala, asingkan di sel berasingan.

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
5.	Pengambilan sampel swab COVID-19 untuk tahanan/mangsa: - Kemasukan baharu ke penjara/ lokap/ DTI/ DTS/ rumah perlindungan - Pembebasan dari penjara/ lokap/ DTI/ DTS - Pengusiran ke luar Negara dari DTI/ DTS	Unit Rawatan dan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> N95, Glove, Face shield/goggles, head cover, Long sleeve fluid repellent isolation gown, Long sleeve plastic apron (perlu untuk menukar glove dan apron plastik bagi setiap tahanan yang diambil swab), boot/shoe cover Memastikan kebersihan tangan 	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal
6.	Pengasingan tahanan selama 14 hari di sel yang dikhaskan; - Kumpulan yang baharu tidak boleh dicampur dengan kumpulan hari sebelumnya	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Glove* (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal
7.	Kemasukan tahanan atau mangsa ke dalam sel di fasiliti tahanan atau rumah perlindungan	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Glove* (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
8.	Pemantauan tahanan atau mangsa di dalam fasiliti tahanan atau rumah perlindungan	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Memantau gejala di kalangan tahanan atau mangsa secara harian Mengasingkan tahanan atau mangsa yang bergejala Menghantar tahanan atau mangsa yang bergejala untuk rawatan 	<ul style="list-style-type: none"> Tahanan atau mangsa yang bergejala perlu memakai pelitup muka (mengikut kesesuaian) Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal
9.	Pengiringan tahanan di dalam fasiliti tahanan dan dari fasiliti tahanan ke luar; - Hospital/ Klinik - Mahkamah - Fasiliti tahanan lain	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal
10.	Pengangkutan tahanan atau mangsa di dalam kenderaan	Pemandu	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan 	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal
		Pengiring	<ul style="list-style-type: none"> Pelitup muka <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) Memastikan kebersihan tangan Amalkan penjarakan fizikal 	

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
11.	Penghantaran makanan kepada tahanan atau mangsa	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit Hal Ehwal Klien/ Unit yang berkaitan Kontraktor	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
12.	Memantau tahanan di tempat mandi atau cuci pakaian pada setiap hari	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
13.	Memantau tahanan semasa melakukan aktiviti gunting rambut tahanan secara berkala	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
		Tukang gunting	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka, <i>face shield</i>, apron plastik, <i>Glove*</i> • Memastikan kebersihan tangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Apron plastik • Memastikan kebersihan tangan

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
14.	Memantau tahanan semasa aktiviti senaman pada setiap hari	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
15.	Memantau aktiviti kerja luar tahanan	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka (mengikut kesesuaian) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
16.	Aktiviti/proses siasatan atau Rakaman Percakapan tahanan dalam tempoh reman (lokap) atau 14 hari (bagi DTI/DTS)	Pegawai Penyiasat	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i>(apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
17.	Pemantauan aktiviti pembersihan kawasan dalam dan luar bangunan di dalam perimeter	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal


Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
18.	Rondaan keselamatan	Unit Kawalan & Keselamatan/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	-
19.	Penyediaan makanan di dapur untuk tahanan bagi penjara	Unit Hal Ehwal Klien/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
20.	Pemantauan tahanan di ruang/ dewan makan	Unit Hal Ehwal Klien/ Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal
21.	Aktiviti latihan dan kemahiran di bengkel atau kelas	Unit yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal

Bil	Proses Kerja	Anggota Terlibat	Tindakan bagi Anggota & Jenis PPE yang digunakan	Tindakan Bagi Tahanan/ Mangsa & Jenis PPE yang digunakan
22.	Program Pemulihan (PUSPEN)	Unit berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • <i>Glove*</i> (apabila melibatkan sentuhan badan tahanan atau mangsa) • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelitup muka • Memastikan kebersihan tangan • Amalkan penjarakan fizikal

Catatan

- *Pastikan *glove* anggota ditukar setelah melibatkan sentuhan badan bagi setiap tahanan
- Pelitup muka yang telah digunakan hendaklah dilupuskan ke dalam tong sampah yang bertutup.
- PPE yang digunakan untuk tujuan pengambilan *swab* perlu dilupuskan mengikut tatacara kawalan infeksi sedia ada (Annex 8: *Infection Prevention and Control (IPC) Measures in Managing Patient Under Investigation (PUI) or Confirmed COVID-19*)

RAJAH 1: KEMASUKAN TAHANAN BAHRU KE FASILITI TAHANAN

**Nota;**

*Pengambilan swab ujian COVID-19 perlu dilaksanakan oleh anggota kader KKM di fasiliti tahanan

** Bagi fasiliti tahanan yang tidak mempunyai anggota kader KKM, pasukan kesihatan KKM akan melaksanakan pengambilan swab ujian COVID-19

*** Pengurusan Fasiliti Tahanan perlu menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan untuk urusan laihan anggota kader KKM dan pengambilan swab ujian COVID-19

Unit Kesihatan Pekerjaan
Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dikemaskini 15 Februari 2021